

# 24 PENGGUNAAN RUBRIK DAN SENARAI SEMAK DALAM KARANGAN NARATIF BAGI MURID DARJAH 5, 6 DAN MENENGAH 1

Siti Raihanni  
Hai Sing Catholic

Fauziah Mohamed Ata  
Sekolah Rendah Endeavour

Suriati Djuahir  
Sekolah Rendah West View

fauziah\_mohamed\_ata@moe.edu.sg

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan penggunaan maklum balas bentuk rubrik dan senarai semak dalam membantu murid untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam penulisan naratif. Kajian ini dijalankan untuk dua kelas bagi setiap Darjah 5, Darjah 6 dan Menengah 1 yang mempunyai keupayaan bahasa Melayu yang berbeza. Bagi setiap peringkat sebuah kelas ditentukan sebagai kumpulan kawalan [Kelas B] manakala yang lain adalah kumpulan atau kelas eksperimen [Kelas A]. Dalam kajian ini, pengkaji memastikan bahawa amalan penilaian seperti memberikan maklum balas yang tepat pada masanya dilakukan untuk meningkatkan pembelajaran pelajar. Pelibatan murid dalam pembelajaran amat penting. Di samping itu, penglibatan pelajar juga boleh dimanifestasikan sebagai sikap yang positif serta mencerminkan keinginan murid untuk meningkatkan penguasaan dan pemahaman subjek yang dipelajari. Kajian yang dijalankan telah menunjukkan bahawa pembelajaran yang melibatkan murid-murid mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian akademik.

### Kata kunci

Karangan Naratif, Penilaian, Rubrik, Senarai Semak, Pelibatan aktif



## **PENGENALAN**

Penilaian sememangnya memainkan peranan yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Melalui pelaksanaan penilaian yang berkesan di bilik darjah, guru dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan murid mereka. Menerusi data dan maklumat yang dikumpul guru daripada penilaian yang dijalankan di bilik darjah, guru boleh menyediakan bimbingan dan perancangan yang diperlukan untuk memperbaiki kemahiran dan pengetahuan bahasa murid.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan penggunaan rubrik dalam merangsang pembelajaran murid untuk meningkatkan markah komponen bahasa dalam karangan naratif; dan
2. meneliti keberkesanan penggunaan senarai semak dalam membantu meningkatkan pencapaian karangan naratif murid.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Daripada dapatan kajian item analisis yang dijalankan oleh Jabatan Bahasa Ibunda pada akhir tahun 2011 mendapati bahawa hanya 66.7% murid Darjah 4 lulus dalam peperiksaan menulis karangan naratif. Dalam kajian tersebut dapat dikenal pasti bahawa bahagian bahasa merupakan bahagian yang bermasalah. Murid mendapat markah yang rendah dari segi bahasa dan ada murid yang gagal.

## **KAJIAN LEPAS**

Ramai pengkaji telah memberikan penekanan akan pentingnya peranan penilaian dalam memberikan maklum balas kepada pembelajaran murid. Dalam proses penilaian, guru memberikan



maklum balas yang positif dan konstruktif kepada murid. Menerusi maklum balas yang positif dan konstruktif, murid tahu bagaimana mereka boleh mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan bahasa mereka.

Menurut Lysakowski dan Walberg (1981,1982), Walberg (1999), Tennenbaum dan Goldring (1989), apabila maklum balas yang diberikan itu bertujuan untuk membetulkan - iaitu, ia menerangkan di mana dan mengapa kesalahan itu berlaku - ia akan mempunyai impak yang lebih baik dan berkesan terhadap pembelajaran murid.

Hattie (1992) pula menegaskan bahawa memberi maklum balas adalah kegiatan yang paling berkesan yang boleh dilakukan oleh seseorang guru bagi meningkatkan kecemerlangan murid.

Crooks (1998) dan Wilburn & Felps (1983), berpendapat bahawa rubrik yang dibina guru dapat menyediakan murid dengan kriteria yang dapat membantu mereka membina kejayaan dan menjadikan hasil pembelajaran yang diingini lebih jelas kepada murid. Rubrik merupakan satu bentuk maklum balas yang merujuk kepada kriteria dan ini menyediakan satu panduan yang tepat untuk meningkatkan pemahaman murid.

Sementara itu Trammel, Schloss & Alper (1994) dan Wiggins (1993) menjelaskan bahawa pembelajaran yang efektif adalah hasil daripada pelajar memberikan maklum balas secara sendiri dan memantau hasil kerja mereka berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Dalam hal ini, Banger-Drowns, Kulik, Kulik & Morgan (1991) memberikan maklum balas yang tepat pada situasi dan waktu membantu dan menyokong pembelajaran. Namun, sekiranya guru melambat-lambatkan proses memberikan maklum balas bagi murid, nilai sesuatu pembelajaran itu semakin lama semakin berkurangan.

Dalam perkataan lain, guru harus mahir memberikan pengalaman yang bermakna menerusi proses pembelajaran yang melibatkan penggunaan bahan penilaian semasa menjalankan pengajaran.



## **KAEDAH KAJIAN**

Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif. Hasil atau pencapaian murid daripada karangan yang dihasilkan semasa prapenggunaan rubrik dan senarai semak dan pascapenggunaan rubrik dan senarai semak diteliti dan dibandingkan. Kedua-dua soalan karangan yang diberikan kepada murid mempunyai tahap kesukaran yang setara.

Kaedah kajian yang digunakan ialah pengkaji menganalisis data bagi bahagian isi karangan. Markah praujian dan pascaujian karangan menjadi data bagi mengukur keberkesanan penggunaan rubrik dan senarai semak dalam meningkatkan pencapaian menulis murid.

Persampelan rawak mudah (PRM) dilakukan untuk menganalisis data-data yang dikumpulkan.

### Subjek Kajian

Kajian ini dijalankan dalam kelas Darjah 5 yang terdiri daripada murid yang mempunyai pelbagai tahap kemahiran dan bagi Darjah 6 pula, ia merupakan murid tahap asas. Bagi sekolah Menengah 1, subjek kajian melibatkan murid Normal Akademik. Kelas kawalan bagi Menengah 1 adalah kelas Menengah 1 Ekspres.

### Instrumen Kajian

Senarai semak dan rubrik sebagai alat pengumpulan data kuantitatif digunakan. Markah bahasa digunakan bagi mengukur keberkesanan pemboleh ubah yang dikaji dalam kajian ini.

### Prosedur Kajian

Tahap kesukaran gambar atau topik karangan yang sama telah digunakan untuk kedua-dua ujian. Bagi Darjah 5 dan Darjah 6, karangan naratif adalah bentuk prosa bertulis yang berdasarkan 5 gambar bersiri dengan satu gambar kesimpulan terbuka. Terdapat 8 frasa panduan yang diberikan. Bagi kelas Menengah 1, karangan



naratif adalah satu bentuk prosa bertulis berdasarkan topik yang diberikan.

Sebanyak sembilan intervensi pelajaran dijalankan. Tempoh setiap pelajaran berlangsung selama sejam.

### Pelajaran Intervensi 1

Guru menggunakan karangan contoh untuk mengajar murid untuk mengesan kriteria yang digunakan dalam menulis karangan. Guru memandu murid cara menggunakan senarai semak sebagai alat bagi penilaian sendiri dan menggunakan rubrik untuk aktiviti penilaian rakan sebaya.

### Pelajaran Intervensi 2-4

Murid menulis perenggan ringkas (fokus pada komponen bahasa) berdasarkan kriteria dalam senarai semak dan rubrik yang disediakan.

### Pelajaran Intervensi 5

Guru menggunakan karangan contoh dan piramid cerita untuk mengajar murid mengenai kriteria organisasi berdasarkan senarai semak dan rubrik.

### Pelajaran Intervensi 6-7

Murid diberi latihan karangan mengisi tempat kosong. Murid dikehendaki untuk mengisi tempat kosong mengikut kriteria yang berbeza dalam senarai semak dan rubrik. Kesedaran murid tentang contoh kriteria bahasa diuji semasa latihan ini.



Jadual 1: Contoh Rubrik

Penanda Wacana	Kata hubung dan penanda wacana amat pelbagai, sesuai dan tepat. <input type="checkbox"/>	Kata hubung dan penanda wacana pelbagai <input type="checkbox"/>	Kata hubung dan penanda wacana sesuai <input type="checkbox"/>	Kata hubung dan penanda wacana digunakan tetapi kurang sesuai <input type="checkbox"/>	Kata hubung dan penanda wacana tidak digunakan <input type="checkbox"/>
----------------	---------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------

Jadual 2: Contoh Penanda Wacana

<b>PENANDA WACANA</b>			
Dengan cepat	Pernyataan	Pada masa itu	Sesudah
Dengan segera	Namun	Tiba-tiba	Sejurus kemudian
Dengan tergesa-gesa	Walaupun demikian	Tatkala itu	
Dengan tidak berlengah-lengah lagi	Walau bagaimanapun	Ketika itu	Setelah itu
Secepat kilat	Oleh yang demikian	Kebetulan	Akhirnya
Tidak berapa lama kemudian	Oleh kerana itu		
Tanpa membuang masa	Sebenarnya		
	Makanya		
	Ternyata		



## Rajah1: Contoh Lampiran Kerja

Endeavour Primary School

P5 Karangan

Nama: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_

Anita sedang mengulangkaji pelajaran di rumah. Ibu dan ayahnya telah pergi ke majlis kenduri di rumah bapa saudaranya. Mereka akan pulang tidak lama lagi. (1) \_\_\_\_\_ .  
pintu rumah Anita diketuk dengan kuat sekali. Anita tidak tahu siapakah yang berada di luar. Kalau ibu dan ayahnya pasti mereka memberi salam.

Anita membuka pintu. (2) \_\_\_\_\_ . seorang wanita yang berdarah di kepala dan lebam di bahagian muka masuk ke rumahnya. Wanita itu kemudian menutup pintu dengan pantas seperti berada di dalam ketakutan. (3) \_\_\_\_\_ Anita masih tidak faham apakah yang sedang berlaku. Dia tidak kenal siapakah wanita itu dan dia juga tidak faham mengapakah wanita itu datang ke rumahnya. (4) \_\_\_\_\_ . wanita itu menangis dan memberitahu Anita bahawa suaminya memukulnya sehingga teruk begitu.

### Pelajaran Intervensi 8

Guru menggunakan karangan contoh untuk menerangkan apa yang telah diajar dan murid menggunakan senarai semak untuk menilai karangan contoh tersebut.

### Pelajaran Intervensi 9

Dalam pelajaran ini murid diminta untuk menulis karangan. Murid di peringkat ini lebih sedar mengenai kriteria yang diperlukan dalam penulisan karangan. Guru menilai hasil kerja murid menggunakan rubrik guru.


## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data yang dikumpulkan telah menunjukkan bahawa murid telah menunjukkan sikap yang baik dan terdapat peningkatan dalam motivasi dan penglibatan murid dalam pengajaran menulis karangan. Berdasarkan analisis keputusan, penggunaan maklum balas dalam bentuk rubrik dan senarai semak membantu meningkatkan markah karangan naratif yang dihasilkan murid. Berikut adalah dapatan bagi kumpulan murid Darjah 6 dan pelajar Menengah 1.

Jadual 3: Menengah 1 dan Darjah 6

Ujian	Kumpulan	N	Mean	Median
Praujian	Ekspres	14	8.5	9
	Kawalan	12	11.5	12
Pascaujian	Ekspres	14	11.86	11.5
	Kawalan	12	11.42	11

Rajah 2: Menengah 1 dan Darjah 6






Jadual 4: Menengah 1 dan Darjah 6

Ujian	Kumpulan	N	Mean	Median
Praujian	Exp	23	8	8
	Kawalan	23	11.48	12
Pascaujian	Exp	23	10.87	10
	Kawalan	23	10.3	10

Rajah 3: Menengah 1 dan Darjah 6



Terdapat peningkatan dalam markah purata murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan eksperimen. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan bahawa kumpulan kawalan mengalami penurunan dalam markah purata. Daripada data yang diteliti, dapat disimpulkan bahawa murid kumpulan eksperimen telah




mendapat manfaat daripada strategi penggunaan maklum balas menggunakan rubrik dan senarai semak.

Berikut adalah dapatan bagi praujian dan pascaujian bagi murid dari kumpulan Darjah 5.

Jadual 5: Darjah 5

Ujian	Kumpulan	N	Mean	Median
Prauajian	Ekspres	23	9.48	10
	Kawalan	24	11.21	11
Pascaujian	Ekspres	23	11.78	12
	Kawalan	24	13.10	13

Rajah 4: Darjah 5



Perbezaan dalam markah purata bagi praujian dan pascaujian bagi kumpulan eksperimen iaitu bagi kumpulan Ekspres: 2.3 dan kumpulan Kawalan: 1.9 adalah lebih tinggi walaupun kedua-dua kumpulan mencatat peningkatan. Oleh sebab itu, kita dapat

menyimpulkan bahawa terdapat kesan positif terhadap pencapaian murid dengan menggunakan strategi maklum balas. Strategi ini membolehkan murid menulis dan memperoleh markah bahasa yang lebih baik.

## **KESIMPULAN**

Keputusan yang dicapai menunjukkan bahawa penggunaan maklum balas dalam penulisan karangan telah membolehkan murid lebih sedar mengenai kriteria yang diperlukan untuk memperbaiki penulisan karangan mereka. Rubrik dan senarai semak yang digunakan telah menggalakkan murid untuk membuat penilaian terhadap penulisan rakan sebaya. Melalui aktiviti ini keyakinan murid dalam memberi maklum balas meningkat. Tambahan lagi, hasil yang ketara juga ditunjukkan seperti:

1. Murid lebih bebas dan bertanggungjawab untuk pembelajaran mereka sendiri.
2. Murid dapat memberi maklum balas yang membina kepada rakan-rakan mereka dan mereka juga lebih bersedia untuk bekerjasama dan belajar daripada satu sama lain.

Dalam usaha untuk memastikan kesinambungan, guru telah mengkaji semula kriteria di dalam rubrik. Rubrik didapati menyeluruh kerana ia meliputi semua aspek komponen bahasa. Walau bagaimanapun, guru perlu lebih fokus dengan memastikan bahawa pada setiap peringkat, murid hanya diberikan kriteria tertentu bagi komponen bahasa supaya lebih tertumpu dan sesuai.

Untuk rancangan masa depan, selain markah praujian dan pascaujian, guru juga akan mengumpul maklum balas yang dijalankan semasa prakajian dan pascakajian yang diberikan murid kepada rakan-rakan mereka. Ini adalah untuk menunjukkan bahawa murid telah memperoleh kesedaran dan mempunyai keupayaan untuk menggunakan rubrik dan senarai semak untuk menulis esei yang lebih baik.



## RUJUKAN

John Hattie & Helen Timpelerly (2007). The Power of Feedback in *Review of Educational Research*, March 2007 vol. 77 no. 1 81-112.

Kissock, C. & Lyortsuun, P.A. (1982). *Guide to Questioning: Classroom Procedures for Teachers*. London: MacMillan Press Ltd.

Ministry of Education (2010). Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda: memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cekap. Singapore 2010

Nikos L. D. Chatzisarantis; Martin S. Hagger (2009). *Effects of an intervention based on self-determination theory on self-reported leisure-time physical activity participation*. UK: School of Psychology, University of Plymouth.

